

# Malaysia mampu jadi pusat flora

PUTRAJAYA 27 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia mampu muncul sebagai sebuah pusat flora terkemuka di rantau ini jika perancangan teliti dan usaha secara bersepadu dilakukan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sudah tiba masanya Malaysia mengkaji perusahaan menanam bunga secara meluas bagi menyemarakkan industri hortikultur, penanaman dan penghasilan bunga segar di negara ini.

Ini kerana, katanya, penanaman bunga secara komersial di negara ini masih berada pada tahap agak rendah dan mungkin tertumpu di kawasan tinggi sahaja disebabkan faktor iklim dan cuaca.

"Selain membentuk satu lagi daya tarikan kepada pelancong asing, industri itu juga berpotensi membawa hasil lumayan kepada pengusaha tanaman bunga.

"Kalau di Eropah dan Amerika Syarikat ada tempat tertentu dikaitkan dengan bunga-bunga seperti di Holland atau Pasa-

dena. Mengapa tidak suatu hari nanti Malaysia pula dikaitkan dengan keindahan bunga-bunga di rantau ini?" katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perarakan kereta berhias yang merupakan acara kemuncak sempena Pesta Flora 2007 di Pesiaran Perdana, di sini hari ini.

Majlis dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin yang diiringi oleh Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Hadir sama ialah Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique.

Najib berkata, hakikatnya Malaysia memang bertuah kerana memiliki kekayaan semula jadi termasuk ratusan ribu spesies cantik dan beraneka warna yang wajar diketengahkan dengan lebih bersungguh-sungguh.

Bagaimanapun, katanya, ramai rakyat Malaysia terlalu mudah memandang ke tempat

asing sebagai destinasi pelancongan mereka tanpa menyedari keindahan negara sendiri.

Sedangkan berjuta-juta rakyat asing, ujarnya, bersusah payah untuk datang beribu batu dengan tujuan menikmati keindahan Malaysia dari pelbagai sudut.

"Jadi kenapa pula kita sebagai anak Malaysia tidak meneroka sepenuhnya keindahan bumi sendiri dan inilah peluang kita sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007 yang bukan sahaja perlu menarik pelancong asing, malah menggalakkan lagi pelancongan domestik," katanya.

Mengenai Pesta Flora, beliau berkata, program berkenaan yang diadakan di negara ini sejak 1991 sememangnya menyerlahkan kehebatannya dan penganjurannya kali ini adalah yang terbesar.

Katanya, ia memaparkan keindahan semula jadi seperti kehijauan hutan rimba dan keindahan pulau-pulau serta pantai yang sememangnya menakjubkan.